



HELAIAN DATA KESELAMATAN

1. PENGENALAN PRODUK DAN SYARIKAT

Pengenalpasti Produk: FP-300 FLUX

Nombor SDS: SDS-4317

Tarikh Dikemaskini: 10 NOVEMBER 2020

Kegunaan Produk: Kegunaan Industri – Fluks Kerja Semula

PENGELUAR:

Di Dalam Amerika Syarikat:

The Indium Corporation of America®.

34 Robinson Rd., Clinton, NY 13323

Maklumat: (315) 853-4900

nswarts@indium.com

TELEFON KECEMASAN:

CHEMTREC 24 hrs.

USA: 1 (800) 424-9300

Di luar AS: +1 (703) 527-3887

Di China: +86 4001-204937

Di Malaysia: 1-800-815-308

atau 60-392125794

Di Eropah:

The Indium Corporation of America® (European Operations)

7 Newmarket Ct

Kingston, Milton Keynes, UK, MK 10 OAG

Maklumat: +44 [0] 1908 580400

Di China:

Indium Corporation (Suzhou), Co., Ltd.

No. 428 Xinglong Street

Suzhou Industrial Park

Suchun Industrial Square

Unit No. 14-C

Jiangsu Province, China 215126

Maklumat: (86) 512-6283-4900

Di Asia:

Indium Corporation of America

Asia-Pacific Operations-Singapore

29 Kian Teck Avenue

Singapore 628908

Maklumat: +65 6268-8678

2. PENGENALPASTIAN BAHAYA

LALUAN MASUK UTAMA:

*Mata *Penyedutan *Kulit *Oral

Karsinogen disenaraikan di

NTP IARC OSHA *Tidak Tersenarai

GHS:

Pengelasan:

Cecair mudah terbakar- Kategori 2

Kerengsaan mata- Kategori 2A

Pendedahan tunggal ketoksikan organ sasaran tertentu- Kategori 3, Sistem Saraf Pusat



Kata Isyarat: Bahaya

Pernyataan Bahaya:

H225 Cecair dan wap yang sangat mudah terbakar
 H315 Menyebabkan kerengsaan kulit
 H319 Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
 H336 Boleh menyebabkan mengantuk atau kepeningan

Pernyataan(-pernyataan) berjaga-jaga

P210 Jauhkan daripada haba/percikan api/nyalaan terbuka/permukaan panas. – Dilarang merokok
 P233 Pastikan bekas ditutup rapat
 P240 Bumikan bekas dan peralatan menerima
 P261 Elakkan daripada tersedut habuk/wasap/gas/kabus/wap/semburan
 P270 Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
 P273 Elakkan pelepasan bahan ke persekitaran
 P280 Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung/perindungan mata/pelindung muka
 P362 +P364 Tanggalkan pakaian tercemar dan basuh sebelum menggunakannya semula
 P301 +P314 JIKA TERTELAN: Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan jika anda rasa tidak sihat.
 P302 +P352 JIKA TERKENA KULIT: Basuh dengan sabun dan air yang banyak
 P304 + P341 JIKA TERSEDUT: Jika mangsa sukar bernafas, pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan rehat supaya mangsa dapat bernafas dengan selesa
 P305 + P351 JIKA TERKENA MATA: Bilas secara berterusan dengan air selama beberapa minit (15 mins)

KESAN-KESAN KESIHATAN BERPOTENSI:

Terkena Mata: Agak merengsa mata dan jika tidak dikeluarkan segera, boleh mengakibatkan kecederaan mata yang serius. Jangan biarkan bahan terkena mata.

Oral: Boleh menyebabkan kerengsaan. Mungkin berbahaya jika tertelan.

Penyedutan: Kepekatan wap panas boleh menyebabkan kerengsaan.

Terkena Kulit: Menyebabkan kerengsaan kulit.

Kronik: Belum ditetapkan.

NOTA: The Indium Corporation tidak mengesyorkan, membuat, memasarkan atau menyokong mana-mana produknya untuk digunakan sebagai makanan manusia.

3. KOMPOSISI / MAKLUMAT MENGENAI RAMUAN

Komponen	% wt	CAS Registry #	PEL mg/m ³	TLV-TWA mg/m ³	TLV-STEL mg/m ³
ALKOHOL ISOPROPIL	50-60	67-63-0	980	983	1230
		(EU)	-	999	1250
		(Kanada)	-	983	1228
		(Singapura)	983	-	1230
		(Mexico)	-	980	1225
		(China)	-	350	700
POLIGLIKOL ETER	15-35	9038-95-3	N.E.	N.E.	N.E.
ALKOHOL C6-C12	25-35	68603-15-6	N.E.	N.E.	N.E.

N.E. = Belum ditetapkan EU = Had-had Pendedahan Pekerjaan Kesatuan Eropah

4. LANGKAH-LANGKAH PERTOLONGAN KECEMASAN

- Terkena Mata:** Angkat kelopak mata dan bilas mata dengan air suam sekurang-kurangnya selama 15 minit. Dapatkan rawatan perubatan jika kerengsaan berterusan.
- Oral:** Jika pesakit sedar, HANYA cetuskan muntah seperti yang diarahkan oleh kakitangan terlatih. JANGAN memberi apa-apa melalui mulut kepada orang yang tidak sedarkan diri. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Penyedutan:** Pindahkan ke kawasan berudara segar. Jika tidak bernafas, berikan pernafasan pemulihan atau oksigen oleh kakitangan terlatih. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.
- Terkena Kulit:** Tanggalkan pakaian yang tercemar. Basuh kawasan yang terjejas dengan sabun dan air. Basuh pakaian sebelum dipakai semula. Jika kerengsaan berterusan, dapatkan rawatan perubatan.

5. LANGKAH-LANGKAH MEMADAM API

- Takat Kilat:** 11C (52F) **Kaedah:** Belum didapati.
- Suhu Pencucuhan Auto:** Tidak ditetapkan.
- Had Mudah Terbakar:** Had tidak ditetapkan, Mudah Terbakar
- Bahan Pemadam Api:** Gunakan alat pemadam yang sesuai bagi keadaan persekitaran kebakaran. Busa, kimia kering, semburan air.
- Prosedur Memadam Api Khas:** Ahli bomba harus memakai alat pernafasan serba lengkap dan pakaian perlindungan yang lengkap yang diluluskan NIOSH.

6. LANGKAH-LANGKAH PELEPASAN TAK SENGAJA

Prosedur Kebocoran atau Tumpahan: Pakai alat pernafasan dan perlindungan diri yang sesuai (Lihat Bahagian Kawalan/Perlindungan Diri). Serap tumpahan dengan bahan lengai (cthnya., pasir kering atau tanah), kemudian masukkan ke dalam bekas sisa kimia. Melupuskan mengikut semua peraturan Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Di EU, rujuk Peraturan Sisa Khas.

7. PENGENDALIAN DAN PENYIMPANAN

- Langkah Berjaga-jaga Pengendalian:** Pastikan bekas-bekas ditutup rapat apabila tidak digunakan. Berhati-hati untuk mengelakkan daripada tumpahan Elakkan daripada menyedut wap dari bahan yang dipanaskan. Elakkan terkena mata, kulit dan pakaian. Guna dengan pengudaraan yang cukup. Bumikan bekas-bekas.
- Langkah berjaga-jaga Penyimpanan:** Simpan produk di dalam bekas-bekas asal yang ditutup rapat di tempat yang sejuk dan kering. Jauhkan daripada haba dan api. Simpan jauh dari bahan-bahan yang tidak sesuai. Bekas-bekas kosong mungkin berbahaya kerana ia mengandungi sisa produk.

8. KAWALAN PENDEDAHAN / PERLINDUNGAN DIRI

Kawalan Kejuruteraan: Pengudaraan ekzos setempat diperlukan untuk mengawal tahap bahan cemar udara .

Perlindungan diri:

Mata: Cermin mata/gogel keselamatan bahan kimia. Pelindung muka untuk bahaya percikan.

Alat Pernafasan: Alat pernafasan yang telah diluluskan atau yang ditandai mengikut sukatan dengan katrij kimia wasap/organik disarankan di bawah keadaan-keadaan tertentu di mana kepekatan bawaan udara dijangka akan menaik.

Kulit: Sarung tangan tahan kimia yang sesuai. Pakaian luar pelindung, apron. Baju berlengan yang sesuai.

Lain: Pancuran air untuk mata di tempat kerja. Elakkan daripada menggunakan kata mata sentuh di kawasan wasap/wap tinggi.

Amalan-amalan Kerja/Kebersihan: Mengekalkan pengemasan yang baik. Segera membersihkan tumpahan. Elakkan daripada makan, merokok atau minum di kawasan tempat kerja. Segera mencuci tangan secara teliti dengan sabun dan air apabila meninggalkan kawasan tempat kerja.

9. SIFAT FIZIKAL DAN KIMIA

Rupa:	Cecair	Takat Didih:	Belum ditentukan.
Bau:	Bau berciri lembut.	Takat Lebur:	Belum ditentukan
Graviti Tertentu:	0.9102	pH:	Belum ditentukan
Tekanan Wap:	Tidak berkenaan.	Kelarutan dalam Air:	Tidak ditetapkan
Ketumpatan Wap:	(air=1) Tidak berkenaan.		

10. KESTABILAN DAN KEREAKTIFAN

Umum:	Stabil.
Keadaan untuk Dielakkan:	Suhu yang tinggi, api terbuka, agen penurunan yang kuat .
Bahan-bahan Tak Serasi:	Tidak ditetapkan
Penguraian / Kebakaran Berbahaya:	Belum ditetapkan
Pempolimeran Berbahaya:	Tidak akan berlaku.

11. MAKLUMAT TOKSIKOLOGI

Kekarsinogenan: NTP: Tidak
 OSHA: Tidak
 IARC: Tidak

LD50: Tidak ditetapkan. **LC50:** Tidak ditetapkan..

Oral LD50 (isopropil alkohol)

LD50 Oral- tikus- 5,045 mg/kg

Penyedutan LC50 (isopropil alkohol)

LC50 penyedutan-tikus-8h-16000 ppm

LD50 – Dermal- arnab-12,800 mg/kg

RTECS: Isopropil alkohol NT8050000

12. MAKLUMAT EKOLOGI

Produk belum diuji.

13. PERTIMBANGAN PELUPUSAN

Kaedah Pelupusan Bahan Sisa: Lupus mengikut undang-undang Wilayah, Negeri dan Setempat. Di Eropah patuhi Peraturan-Peraturan Bahan Lupus Khas.

14. MAKLUMAT PENGANGKUTAN

Pengangkutan mengikut peraturan dan syarat yang berkaitan.

Nama Penghantar: UN 1219, Isopropanol, 3, PG II (campuran)



North American Emergency Guide Book – Guide #129
Bahan Cemar Marin: Tidak

Menghantar kuantiti yang kecil: Darat SAHAJA

40 CFR 173.150 - Pengecualian untuk Kelas 3 (Cecair Mudah Terbakar). Kuantiti terhad cecair mudah terbakar, Kelas 3, telah dikecualikan daripada keperluan pelabelan untuk penghantaran darat sahaja. Untuk Kumpulan Pembungkusan II, pembungkusan dalaman tidak melebihi 5.0L (1.3 gelen) kapasiti bersih untuk setiap satu, dibungkus di dalam pakej luaran yang kukuh.

40 CFR 172.203 – Kuantiti terhad- apabila resit penghantaran diperlukan, keterangan untuk bahan yang ditawarkan untuk pengangkutan sebagai "kuantiti terhad" mesti memasukkan perkataan "Kuantiti Terhad" selepas deskripsi asas.

Penghantaran: UN 1219, Isopropanol, 3, PG II (Kuantiti Terhad) (campuran)

Penghantaran melalui pesawat perlu mematuhi peraturan dan bukan di bawah pengecualian.

15. MAKLUMAT PERATURAN

Maklumat Helaian dalam Data Keselamatan ini memenuhi keperluan peraturan the United States Occupational Safety and Health Act dan peraturan yang diisytiharkan di bawah ini (29 CFR 1910.1200 ET. SEQ.).

SARA 313 Listing - 40 CFR 372.65 - Tiada

Semua ramuan telah disenaraikan di dalam Inventori EPA TSCA.

Produk ini telah dikelaskan sebagai kriteria bahaya mengikut Canadian Controlled Products Regulation (CPR). Ramuan produk telah disenaraikan pada DSL Kanada.

WHMIS Kanada: Class B Division 2 Flammable, D2B Toxic Material Causing Other Toxic Effects (eye irritation in animals).



Produk ini telah dikelaskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Perindustrian Republik Singapura.

Malaysia:

Produk ini telah dikelaskan di bawah: Malaysia – OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (CLASSIFICATION, LABELING AND SAFETY DATA SHEET OF HAZARDOUS CHEMICALS) REGULATION OCTOBER 2013 – (CLASS). (GHS)

Di China:

Decree No. 591: Regulations on the Control over Safety of Hazardous Chemicals
GB 30000.2-29-2013, Rules for classification and labeling of chemicals. (GHS)
GB/T 16483-2008, GB/T 17517-2013

Produk ini telah dikelaskan menggunakan Chinese Occupational Exposure Limit for Hazardous Agents in the Workplace, GBZ2-2007.

Produk ini telah dikelaskan di bawah peraturan-peraturan negara Mexico NOM-018-STPS-2015 and NOM-010-STPS-2014.

16. MAKLUMAT LAIN

Kadar Bahaya HMIS:	Kesihatan:	2
	Api:	3
	Bahaya Fizikal:	0

Tarikh Dikemaskini: 10 NOVEMBER 2020

Disediakan oleh: Nancy Swarts, Indium Corporation of America

Diluluskan oleh: Nancy Swarts, Indium Corporation of America

Maklumat dan saranan yang terkandung di sini adalah, mengikut pengetahuan dan kepercayaan The Indium Corporation of America, tepat dan boleh dipercayai mengikut tarikh yang dikeluarkan. The Indium Corporation of America tidak mengesahkan atau menjamin ketepatan atau kebolehpercayaan mereka, dan The Indium Corporation of America tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada pengguna itu. Maklumat dan cadangan yang ditawarkan untuk pertimbangan dan pemeriksaan pengguna, dan ia menjadi tanggungjawab pengguna untuk memuaskan hatinya bahawa ia adalah sesuai dan lengkap bagi kegunaan yang tertentu. Jika pembeli membungkus semula produk ini, penasihat undang-undang perlu dirujuk untuk memastikan maklumat kesihatan, keselamatan dan maklumat lain yang betul telah disertakan pada bekas.